



PEMBINGKAIAN ANALISIS BERITA DALAM FACEBOOK MENGENAI COVID-19 : LANGKAH, PUNCA DAN LAPORAN JANGKITAN

(Framing Analysis of News in Facebook about Covid-19: Steps, Causes and Infectional Report)

Awan Ismail^{1*}, Norizah Aripin¹, Duang Myra a/p Cheng Sim¹

¹Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia, 06010, Sintok, Kedah, Malaysia

*Corresponding Author Email: awan@uum.edu.my

Received: 20 October 2020 • Accepted: 27 October 2021 • Published: 31 October 2021

Abstract

The increasingly fast and sophisticated changes in the communications and publication industry led readers to shift from print media to online news portal. This transition happens because online news is faster, convenient and easily accessible to all communities regardless of time. The Facebook, for instance, is used as an online news platform for communities to get news sources. Moreover, Facebook also has a "trending now" where communities can view current topics or issues instantaneously. The current issues now is about the COVID-19 outbreak that plagues the rest of the world. In this study, the researcher has selected several online news to be used as a reference published by media organisations related to the COVID-19 outbreak throughout January to March 2020. The data analysis used is descriptive analysis. The researchers has selected the Official Facebook portal of the Ministry of Health Malaysia and the Ministry of Communications and Multimedia to analyze the news about the outbreak. This study found that the posting frequency based on the three categories of steps, causes and infectional report increased from January to March 2020. On the other hand, the result also shows that both Facebook portals used keywords such as the number of cases of infections, recoveries and deaths due to COVID-19. It is hoped that this study will be a reference to the authority especially in terms of the importance of information dissemination in more structural manner so that it can be easily received by the readers.

Keywords: *Framing, online news, Facebook, COVID-19*

Abstrak

Perubahan industri komunikasi dan penerbitan yang semakin pantas dan canggih menyebabkan pembaca kini telah beralih dari media cetak kepada portal berita atas talian. Peralihan ini berlaku kerana berita atas talian lebih pantas, ringkas dan mudah diakses oleh semua komuniti tanpa mengira masa.

Facebook misalnya, digunakan sebagai platform berita atas talian untuk komuniti mendapatkan sumber berita. Selain itu, Facebook juga memiliki “*trending now*” di mana komuniti boleh melihat topik atau isu semasa secara langsung. Antara isu terkini adalah mengenai wabak COVID-19 yang melanda seluruh dunia. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih beberapa berita atas talian untuk dijadikan sebagai rujukan yang diterbitkan oleh organisasi media berkaitan dengan wabak COVID-19 sepanjang bulan Januari hingga Mac 2020. Analisis data yang digunakan ialah secara analisis deskriptif. Pengkaji telah memilih portal rasmi Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk menganalisis berita mengenai wabak tersebut. Kajian ini mendapati kekerapan *posting* berdasarkan tiga kategori iaitu punca, langkah dan laporan jangkitan semakin meningkat bermula dari bulan Januari sehingga Mac 2020. Selain itu, dapatan juga menunjukkan kedua-dua portal Facebook tersebut menggunakan kata kunci seperti jumlah jangkitan kes, kes sembuh dan kematian akibat COVID-19. Kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada pihak berkuasa terutamanya fokus terhadap kepentingan penyebaran maklumat secara lebih berstruktur agar lebih mudah diterima oleh pembaca.

Kata kunci: Pembungkahan, berita atas talian, Facebook, COVID-19

Cite as: Ismail, A., Aripin, N., & Cheng Sim, D. M. (2021). Framing Analysis of News in Facebook about Covid-19: Steps, Causes and Infectious Report. *Asian People Journal*, 4(2), 161-175.

PENGENALAN

Perubahan industri komunikasi dan penerbitan yang semakin pantas dan canggih menyebabkan pembaca kini telah beralih dari media cetak kepada portal berita atas talian. Menurut Tiung, Meri, Nayan dan Othman (2016) peralihan ini berlaku kerana berita atas talian lebih pantas, ringkas dan mudah diakses oleh semua komuniti tanpa mengira masa. Menurut Gottfried dan Shearer (2016) mengatakan bahawa 63 peratus komuniti telah menggunakan platform berita atas talian seperti Facebook untuk mendapatkan sumber berita. Selain itu, Facebook juga memiliki “*trending now*” di mana komuniti boleh melihat topik-topik atau isu semasa yang sedang hangat di portal. Antara isu yang hangat kini adalah mengenai wabak COVID-19 yang melanda seluruh dunia.

Novel Coronavirus (COVID-19) yang lebih dikenal dengan nama “virus Corona”. Wabak ini mendapat perhatian di seluruh negara termasuk Malaysia. Pada mulanya, kebanyakan daripada pesakit tersebut dikatakan mempunyai kaitan dengan makanan laut dan haiwan yang dijual di Pasar Makanan Laut Wuhan. Virus ini disebut COVID-19 dan pertama kali ditemukan di kota Wuhan, China, pada akhir Disember 2019. Wabak ini menular dengan pantas dan Covid-19 tidak hanya merebak ke wilayah Wuhan namun, ia telah merebak ke beberapa negara lain antaranya Malaysia, Thailand, Jepun, Itali, Korea, Vietnam, Amerika. Wabak COVID-19 ini mendapat perhatian media di seluruh dunia termasuk organisasi media di Malaysia. Pelbagai platform terutamanya berita atas talian digunakan oleh organisasi media untuk menyalurkan berita terkini mengenai wabak tersebut kepada masyarakat. Antara platform yang digunakan oleh organisasi media ialah Facebook, Twitter dan Youtube. Masyarakat kini, lebih mengikuti berita atas talian kerana ia lebih pantas berbanding dengan media tradisional seperti surat khabar.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Cinelli dan rakan-rakan (2020) yang bertajuk ‘*The Covid-19 social media Infodemic*’ mengatakan bahawa menangani penyebaran maklumat mengenai COVID-

19 dengan analisis data yang terdapat di media sosial seperti Twitter, Instagram, YouTube, Reddit dan Gab. Kajiannya menganalisis penglibatan dan perhatian masyarakat mengenai wabak COVID-19 dan menyediakan penilaian berbeza mengenai setiap platform media sosial dan penggunaan media sosial tersebut. Platform media sosial seperti Youtube dan Twitter memberikan akses langsung kepada jumlah kandungan yang belum pernah terjadi sebelumnya seperti yang mengemparkan seluruh dunia iaitu COVID-19 dan mungkin menguatkan khabar angin dan informasi yang dipersoalkan. Kajian ini mengambil kira keutamaan dan sikap pengguna dalam menyebarkan maklumat. Paradigma ini memberi impak besar kepada pembinaan persepsi sosial dan pbingkaian naratif terutama apabila isu-isu itu kontroversi seperti COVID-19. Penemuan menunjukkan bahawa corak interaksi setiap platform media sosial yang digabungkan dengan tindak balas penonton platform khusus memainkan peranan penting dalam menyebarkan informasi dan maklumat.

Manakala, kajian yang dilakukan oleh Li dan rakan-rakan (2020) yang bertajuk '*Characterizing the propagation of situational information in social media during COVID-19 epidemic: A case study on weibo*' mendapati bahawa semasa berlakunya wabak penyakit koronavirus (COVID-19) yang mengemparkan seluruh dunia dan kini komuniti telah menggunakan media sosial untuk memperoleh dan bertukar pendapat mengenai pelbagai jenis maklumat iaitu dengan membuat *posting* mengenai wabak tersebut yang belum pernah terjadi sebelumnya. Hanya maklumat berharga untuk orang ramai dan pihak berkuasa untuk memberi respons kepada wabak itu. Oleh itu, adalah penting untuk mengenal pasti maklumat keadaan sedemikian dan untuk memahami bagaimana ia disebarkan di media sosial, supaya mempunyai strategi penerbitan maklumat yang sesuai supaya komuniti mendapat maklumat mengenai wabak COVID-19. Penemuan artikel ini menunjukkan perlunya menggunakan strategi penerbitan maklumat seperti media sosial yang berlainan bagi mempelbagaikan jenis maklumat tetapi mengenai isu yang sama.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Llewellyn (2020) yang bertajuk '*Covid-19: How to be careful with trust and expertise on social media*' mendapati bahawa penting untuk diingat bahawa media, dan juga orang ramai, sentiasa berada di seluruh saluran media sosial untuk mencari sudut dan berita mengenai COVID-19 untuk berkongsi pandangan dan pendapat mereka. Namun begitu, kenyataan yang dikeluarkan tidak pasti sama ada ianya benar atau tidak. Oleh itu, mereka tidak tahu pendapat siapa yang harus dipercayai. Tetapi, pada masa krisis, percaya adalah perkara yang paling penting untuk dipertimbangkan jika seseorang itu mahu menyampaikan sesuatu maklumat. Oleh itu, pengkaji ingin melihat sejauh mana kekerapan posting yang terdapat di Portal Rasmi Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk mengetahui perkembangan terkini mengenai wabak COVID-19 sepanjang tempoh tiga bulan. Hal ini kerana, wabak COVID-19 kini menjadi perhatian semua media di seluruh dunia.

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji, kekerapan *posting* mengikut kategori (langkah-langkah, punca dan laporan jangkitan) yang disalurkan dalam Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia mengenai wabak Coronavirus bermula dari Januari hingga Mac 2020. Selain itu, kebanyakan masyarakat kini, mengambil perhatian dan menfokuskan kepada kategori (langkah-langkah, punca dan laporan jangkitan) apabila mereka melayari Portal Rasmi Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk mengetahui perkembangan terkini mengenai wabak COVID-19. Dalam pada masa yang sama, sumber merupakan aspek yang penting dalam menyampaikan sesuatu berita ataupun maklumat. Oleh itu, pengkaji ini melihat sumber manakah yang bertanggungjawab dalam menyampaikan maklumat kepada orang ramai mengenai COVID-19.

Persoalan kajian adalah seperti yang berikut:. Berapakah kekerapan *posting* mengenai wabak Coronavirus dalam Portal Rasmi Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia mengenai wabak COVID-19 ?. Apakah kategori (langkah-langkah, punca dan laporan jangkitan) yang disalurkan dalam Portal Rasmi Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia mengenai wabak COVID-19 ? dan apakah jenis sumber yang disiarkan di Portal Rasmi Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia sepanjang Januari hingga Mac 2020 mengenai wabak COVID-19?

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti kekerapan *posting* mengenai wabak Coronavirus dalam Portal Rasmi Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia mengenai wabak COVID-19 sepanjang Januari hingga Mac 2020, untuk mengenalpasti kategori (langkah-langkah, punca dan laporan jangkitan) yang disalurkan dalam Portal Rasmi Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia mengenai wabak COVID-19 sepanjang Januari hingga Mac 2020, dan untuk mengenalpasti jenis sumber yang disiarkan di Portal Rasmi Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia mengenai wabak COVID-19 sepanjang Januari hingga Mac 2020.

Teori Pembungkahan Media

Dalam kajian ini, teori utama yang digunakan adalah teori pembungkahan dalam mengkaji kekerapan Portal Rasmi Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia mengenai isu COVID-19. Pembungkahan adalah suatu komponen yang penting dalam kajian mengenai kekerapan *posting* berdasarkan kategori. Pembungkahan mempengaruhi bagaimana suatu *posting* itu dipersembahkan dan seterusnya mempengaruhi persepsi khalayak dan konsep pembungkahan ini sebenarnya sungguh 'berkuasa' di mana ianya mempengaruhi penilaian khalayak. Pembungkahan adalah menentukan dan membina sebarang bentuk maklumat yang akan disampaikan kepada orang ramai. Hal ini demikian, kedua-duanya berfungsi sebagai penarik perhatian orang ramai terhadap sesuatu topik yang akan disampaikan oleh media hasil daripada penetapan agenda tersebut.

Entman (1993) mendefinisikan pembungkahan sebagai pemilihan suatu aspek yang kelihatan realiti dan menjadikannya lebih menonjol dalam komunikasi. Dengan cara itu ia boleh mengenal pasti kekerapan berserta dengan kategori. Dalam erti kata lain penonjolan adalah menjadikan maklumat tersebut lebih ketara dan menjadi perhatian rakyat atau khalayak. Seperti isu COVID-19 yang menjadi isu utama di seluruh dunia. Dengan penonjolan yang lebih banyak kemungkinan untuk penerima melihat maklumat yang disampaikan dan akan meningkatkan fokus khalayak. Pembungkahan berita adalah proses penting yang digunakan oleh kedua-dua Portal Facebook Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia agar ia relevan dan bermakna kepada khalayak.

Manakala Eriyanto (2008) pula menambah definisi pembungkahan adalah satu kaedah untuk melihat cara media memberitahu khalayak terhadap sesuatu peristiwa atau isu. Cara melihatnya adalah dengan menganalisis realiti yang dijadikan berita setelah media memahami dan membungkhaikannya. Sebab itulah setiap hari berita yang dilaporkan daripada peristiwa yang sama dengan cara penulisan yang berbeza.

Pembungkahan yang menjadi sumber komunikasi dalam melaporkan berita atau maklumat mengenai COVID-19 menentukan dan membina sebarang bentuk maklumat yang akan disampaikan kepada orang ramai. Teori pembungkahan juga dilihat sebagai suatu teori yang berkait rapat dengan penetapan agenda. Hal ini demikian, kedua-duanya berfungsi sebagai penarik perhatian

orang ramai terhadap topik yang akan disampaikan oleh media hasil daripada penetapan agenda tersebut. Dalam topik COVID-19, masyarakat kebanyakan akan menitik beratkan isu yang berkaitan dengan laporan, langkah-langkah dan punca jangkitan yang disiarkan di laman sosial rasmi kementerian. Di dalam komunikasi media, kebiasaannya berita dibentangkan untuk membuat bingkai maklumat.

METODOLOGI

Pemilihan Jenis Saluran Berita Atas Talian Mengenai Wabak COVID-19

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih beberapa berita atas talian untuk dijadikan sebagai rujukan yang diterbitkan oleh organisasi media berkaitan dengan wabak COVID-19 sepanjang bulan Januari hingga Mac 2020 iaitu bermula dari 1 Januari hingga 31 Mac. Analisis data yang digunakan ialah secara analisis deskriptif. Pengkaji telah memilih portal rasmi Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk menganalisis berita mengenai wabak tersebut. Portal rasmi Facebook Kementerian berkenaan dipilih kerana ia menjadi merupakan pihak yang bertanggungjawab menyalurkan berita berkenaan dengan COVID-19 ini. Selain itu, pengkaji memilih portal rasmi ini kerana ia mempunyai ramai pengikut yang ingin mengetahui tentang perkembangan COVID-19 samada dari kes dari luar negara ataupun dalam negara. Wabak COVID-19 ini telah mendapat liputan media di seluruh dunia sejak Disember 2019.

Melalui kenyataan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia mengenai amaran dan sentiasa berada dalam keadaan siap sedia untuk menghadapi wabak ini kerana ia telah merebak ke seluruh negara termasuk Malaysia. Apabila pengkaji telah menentukan pemilihan jenis saluran berita atas talian, maka pengkaji akan memberikan fokus terhadap kekerapan *posting*, langkah-langkah penjagaan, punca jangkitan dan laporan jangkitan terhadap medium menganalisis portal rasmi Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Pengkaji akan mengambil kira setiap objektif kajian tersebut bagi mendapatkan data secara langsung dari kedua-dua portal tersebut.

Pengumpulan Data

Pengkaji menggunakan jadual untuk data yang diperolehi daripada portal rasmi Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Pengkaji akan merekodkan kekerapan *posting* dan jenis sumber mengenai isu COVID-19 yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk menyampaikan berita terkini kepada masyarakat. Kesemua kekerapan yang dicatatkan oleh pengkaji akan direkodkan ke dalam pangkalan data *Microsoft Word*.

Selain itu, jadual tersebut mengandungi tarikh, tajuk, jenis media berserta koder 1 dan 2 bagi merekodkan maklumat yang diperolehi. Bagi koder 1 merupakan data daripada pengkaji itu sendiri, manakala koder 2 adalah daripada individu yang akan menyemak maklumat yang diperolehi oleh pengkaji mengetahui kebolehpercayaan data tersebut.

Kategori Pengekodan

Dalam kajian ini, pengkaji mempunyai tiga kategori berdasarkan objektif kajian yang iaitu, punca jangkitan, langkah-langkah, laporan jangkitan berserta dengan sumber yang disiarkan di portal rasmi Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Pengkaji akan merekodkan kekerapan *posting* di portal rasmi Facebook Kementerian Kesihatan

Malaysia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia mengenai COVID-19 bermula dari 1 Januari hingga 31 Mac 2020. Bagi mengenalpasti setiap kategori ini, penggunaan kata kunci turut diaplikasikan dalam kajian ini. Dari segi punca, pengkaji telah menetapkan kata kunci seperti kontak rapat, sejarah perjalanan dari luar negara, perhimpunan tabligh.

Manakala, dari segi langkah-langkah, kata kunci seperti kebersihan, imbas suhu badan, kuarantin 14 hari, kawalan pintu masuk antarabangsa dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Bagi laporan jangkitan, kata kunci seperti pertambahan, penurunan, discaj atau dibenarkan pulang sebagai petunjuk. Pengkaji akan melakukan pengekodan dengan menggunakan metode analisis kandungan (*content analysis*). Menurut Holsti (1969), analisis isi adalah suatu teknik penelitian untuk membuat inferensi yang dilakukan secara objektif (Eriyanto, 2011). Tambahan lagi, kajian ini telah mengambil dua juru kod untuk menganalisis kesemua kategori tersebut.

Kebolehpercayaan Antara Pengekod

Seterusnya, untuk menguji kebolehpercayaan kajian ini, sampel kebolehpercayaan daripada Holsti (1969) digunakan dan bertujuan memastikan unit analisis dalam pengekodan mempunyai nilai 0.9 ke atas. Apabila nilai tersebut mencapai had nilai tersebut, ia menunjukkan pengekodan adalah boleh dipercayai dan dapat digunakan sebagai alat pengukuran. *Intercoder reliability* dianggap sebagai salah satu komponen kritikal penting dalam sesebuah kajian yang menggunakan kaedah kandungan analisis (Jadual 1).

Tujuan kaedah adalah untuk memastikan dapatan kajian adalah tepat. Ukuran yang boleh dipercayai adalah salah satu yang konsisten, yang memberikan keputusan yang hampir sama setiap kali ukuran ini digunakan. Secara amnya, *Reliability coefficient* (C.R) adalah cara yang mudah untuk mengira kebolehpercayaan pengekodan untuk mengkategorikan keputusan. Ini adalah formula asas kepercayaan kepada nisbah keputusan pengekod yang dipersetujui untuk jumlah pengekodan bagi keputusan yang dibuat oleh setiap pengekod. Dua koder merupakan individu yang mempunyai pengetahuan dalam bidang media dalam melakukan semakan data yang dibuat oleh pengkaji.

Jadual 1: Tahap kebolehpercayaan analisis kandungan bagi kategori iaitu punca, langkah-langkah dan laporan jangkitan

Jenis portal berita/ kategori	Kategori A (punca)	Kategori B (Langkah-langkah)	Kategori C (laporan jangkitan)
Kementerian Kesihatan Malaysia	2(84)/85+84 0.99	2(140)/ 140+140 1	2(298) / 299+298 0.99
Jumlah <i>reliability</i> kategori A, B, C bagi KKM	0.99		
Kementerian Komunikasi dan Multimedia	2(16)/16+16 1	2(77)/80+77 0.98	2(92)/ 92+92 1
Jumlah <i>reliability</i> kategori A, B, C bagi KKMM	0.99		

Intercoder reliability = $2 * M / (N1 + N2)$.

Semasa menerapkan kaedah Holsti dalam analisis kandungan, nilai kritikal yang lebih tinggi harus diguna pakai untuk memutuskan adakah skema pengkodan boleh dipercayai. Secara amnya, nilai Holsti lebih tinggi daripada 0.9 dipertimbangkan untuk menjadi tahap kebolehpercayaan interkod yang tinggi dan persetujuan lebih rendah daripada 0.8 dianggap meragukan dipercayai. Berdasarkan jadual di atas, ia menunjukkan bahawa analisis data tersebut berada pada tahap yang boleh dipercayai (Jadual 2).

Jadual 2: Tahap kebolehpercayaan bagi sumber mengikut portal Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Jenis sumber / kategori	Kategori A (punca)	Kategori B (Langkah-langkah)	Kategori C (laporan jangkitan)
Jenis sumber portal Kementerian Kesihatan Malaysia	2(84)/84+84 1	2(140)/ 140+140 1	2(298) / 298+298 1
Jumlah <i>reliability</i> kategori A, B, C bagi Sumber KKM	1		
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia	2(16)/ 16+16 1	2(77)/ 77+77 1	2(92)/92+92 1
Jumlah <i>reliability</i> kategori A, B, C bagi Sumber KKMM	1		

Berdasarkan jadual di atas, ia menunjukkan bahawa analisis data tersebut berada pada tahap yang boleh dipercayai kerana nilainya melebihi 0.9.

HASIL DAN PERBINCANGAN


Berdasarkan Jadual 3 dan Rajah 1, ia mendapati bahawa kekerapan *posting* semakin meningkat bermula dari bulan Januari sehingga Mac di portal Facebook Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia berkaitan dengan COVID-19 di mana pengkaji telah menetapkan kategori yang terdiri daripada punca, langkah-langkah dan laporan jangkitan dengan menetapkan kata kunci bagi mencari kategori-kategori tersebut. Berdasarkan Graf 1, pada bulan Januari, menunjukkan bahawa kekerapan mengenai punca posting di Portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia rendah di mana ianya hanya mencatatkan 11 (18.3 peratus) berbanding dengan bulan Februari dan Mac iaitu sebanyak 25 (14.3 peratus) dan 48 (16.7 peratus). Hal ini disebabkan oleh Malaysia masih mencatatkan jumlah kes positif yang rendah iaitu hanya 8 kes positif pada bulan Januari di mana ia kebanyakan berpunca dari warga asing yang datang memasuki Malaysia berbanding dengan negara China yang mencatatkan jumlah kes yang tinggi pada bulan Januari. Oleh itu, Pihak Kementerian tidak kerap membuat *posting* kerana di Malaysia hanya mencatatkan jumlah kes yang rendah sebanyak 8 kes positif.

Namun pada bulan Februari, graf punca menunjukkan penambahan iaitu sebanyak 14 *posting* apabila kes di Malaysia mengenai COVID-19 mencatatkan peningkatan hari demi hari di mana ianya juga berlaku peningkatan punca jangkitan kebanyakan dari kluster sejarah perjalanan ke luar negara dan kontak rapat kepada pesakit COVID-19. Pada bulan Mac, graf menunjukkan kekerapan *posting* mengenai punca semakin meningkat sehingga 48 *posting*. Hal ini berlaku kerana Kementerian

Kesihatan Malaysia telah mengenalpasti kluster baru iaitu jemaah tabligh yang mengadakan perhimpunan di Sri Petaling. Berdasarkan pemerhatian pengkaji di Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia mendapati bahawa terdapat perbezaan di mana, pada bulan Mac, Kementerian Kesihatan Malaysia kerap membuat *posting* mengenai kluster Perhimpunan Tabligh di Sri Petaling. *Posting* itu kerap dimuat naik sehinggakan terdapat 3 *posting* dalam sehari mengenai punca jangkitan iaitu melalui Siaran Langsung mengenai COVID-19 oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, Kenyataan Media dan juga *posting* poster yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Jadual 3 : Kekerapan *posting* mengenai COVID-19 sepanjang bulan Januari hingga Mac di Portal Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia

Kategori	Bulan		
	Januari	Februari	Mac
Punca	11 (18.3%)	25 (14.3%)	48 (16.7)
Langkah-langkah	34 (56.7%)	49 (28%)	57 (19.9%)
Laporan Jangkitan	15 (25%)	101 (57.7%)	182 (63.4%)
Jumlah keseluruhan	60	175	287



Rajah 1: Kekerapan *posting* mengenai COVID-19 sepanjang bulan Januari hingga Mac di Portal Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia

Bagi, kategori langkah-langkah telah mencatatkan kekerapan posting pada bulan Januari sebanyak 34 *posting* (56.7 peratus) dan kekerapan semakin meningkat pada bulan Februari 49 *posting* (28 peratus) dan Mac 57 *posting* (19.9 peratus). Pada bulan, Januari portal Facebook Rasmi Kementerian Kesihatan hanya memaparkan langkah-langkah menjaga kebersihan seperti kerap membasuh tangan bagi mengelakkan dijangkiti virus COVID-19. Manakala, pada bulan Februari kekerapan *posting* semakin meningkat sebanyak 49 *posting* (28 peratus). Hal ini menyebabkan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengambil langkah seterusnya dengan memperketatkan pintu masuk antarabangsa dan membuat pemeriksaan suhu badan di lapangan terbang antarabangsa bagi mengambil langkah daripada dijangkiti COVID-19. Pada bulan Mac, akibat kenaikan kes positif yang

semakin meningkat di Malaysia, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah menasihatkan orang ramai supaya menangguhkan perjalanan ke luar negara terutamanya negara yang mencatatkan jumlah kes positif COVID-19 yang tinggi. Setelah WHO telah mewartakan COVID-19 adalah penyakit pandemik, maka Malaysia telah mengambil langkah dengan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan yang bermula pada 18 Februari 2020. Oleh itu, peningkatan kekerapan *posting* setiap bulan mengenai langkah-langkah adalah memberi kesedaran kepada orang ramai daripada dijangkiti COVID-19 kerana di Malaysia kes-kes positif COVID-19 semakin meningkat dari hari ke hari. Namun, berdasarkan pemerhatian pengkaji, mendapati bahawa bukan sekadar peratusan sahaja menjadi kajian, namun mendapati bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga Majlis Keselamatan Negara sentiasa membuat *posting* mengenai langkah mencegah COVID-19 terutamanya apabila kes semakin meningkat pada bulan Mac, maka pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama agensi kerajaan dan bukan kerajaan berusaha untuk menangani wabak COVID-19.

Bagi, kategori laporan jangkitan telah mencatatkan kekerapan *posting* pada bulan Januari sebanyak 15 *posting* (25 peratus) dan kekerapan semakin meningkat pada bulan Februari 101 *posting* (57.7 peratus) dan Mac 182 *posting* (63.4 peratus). Pada bulan Januari portal Facebook Rasmi Kementerian Kesihatan hanya mencatatkan 8 jumlah kes yang positif sepanjang bulan Januari. Oleh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia hanya membuat *posting* dalam jumlah rendah kerana ketika itu Malaysia masih mencatatkan jumlah kes yang rendah berbanding dengan negara-negara lain yang mencatatkan jumlah kes yang tinggi sehingga mencatatkan ribuan-ribuan kes. Manakala, pada bulan Februari kekerapan *posting* semakin meningkat sebanyak 101 *posting* (57.7 peratus). Hal ini menyebabkan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah semakin kerap mengemaskini jumlah mangsa yang dijangkiti di Facebook Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia. Pada bulan Mac, akibat kenaikan kes positif yang semakin meningkat di Malaysia, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa mengemaskini sehingga mencatatkan 182 *posting* (63.4 peratus) kekerapan *posting* sepanjang tempoh bulan Mac. Hal ini kerana, Malaysia mencatatkan jumlah kes positif yang tinggi pada bulan Mac sehinggakan mencecah 2626 kes yang didapati positif COVID-19.

Manakala, dari segi jumlah kekerapan *posting* sepanjang bulan Januari hingga Mac, ia mendapati bahawa bulan Mac mencatatkan jumlah *posting* yang tinggi iaitu sebanyak 287 *posting* dan terendah pada bulan Januari iaitu sebanyak 60 *posting*. Hal ini disebabkan oleh pada bulan Mac, Malaysia mencatatkan kes COVID-19 yang tinggi sehinggakan Malaysia terpaksa menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan bagi memutuskan rantaian COVID-19 supaya tidak meragut banyak nyawa. Oleh itu, di portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia, sentiasa mengemaskini mengenai COVID-19 di Facebook Rasminya sepanjang bulan Mac bagi melaporkan kepada orang ramai dari segi punca, langkah-langkah dan laporan jangkitan supaya masyarakat lebih berhati-hati bagi mengelakkan dijangkiti virus tersebut.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, sepanjang COVID-19 melanda di Wuhan, China Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia masih membuat *posting* namun ianya mengenai COVID-19 yang berlaku di luar negara terutamanya Wuhan. Namun, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia masih mengeluarkan langkah berjaga-jaga supaya tidak berlaku di Malaysia. Namun pada bulan Januari terdapat kes positif di Malaysia, tetapi masih dikawal namun pada bulan Mac kes semakin meningkat sehingga mencecah 2323 kes positif.


Berdasarkan Rajah 2 dan Jadual 4, pada bulan Januari, menunjukkan bahawa kekerapan mengenai punca *posting* di Portal Rasmi Facebook Kementerian Komunikasi dan Multimedia rendah di mana ianya hanya mencatatkan 1 *posting* (7.7 peratus) berbanding dengan bulan Februari dan Mac

iaitu sebanyak 2 *posting* (7.7 peratus) dan 13 *posting* (9.6 peratus). Hal ini disebabkan oleh Malaysia masih mencatatkan jumlah kes positif yang rendah pada bulan Januari iaitu hanya mencatatkan 8 kes positif di mana ia kebanyakan berpunca dari pelancong asing yang datang memasuki Malaysia. Oleh itu, Facebook Kementerian Komunikasi dan Multimedia tidak kerap membuat *posting* kerana di Malaysia hanya mencatatkan jumlah kes yang rendah.

Namun pada bulan Februari, graf punca menunjukkan hanya berlaku 1 penambahan *posting* walaupun kes di Malaysia mencatatkan peningkatan hari demi hari di mana ianya juga berlaku peningkatan punca jangkitan kluster sejarah perjalanan ke luar negara dan kontak rapat kepada pesakit COVID-19. Pada bulan Mac, graf menunjukkan kekerapan *posting* mengenai punca semakin meningkat. Hal ini berlaku kerana Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengenalpasti kluster baru iaitu jemaah tabligh yang mengadakan perhimpunan di Sri Petaling.

Jadual 4: Kekerapan posting mengenai COVID-19 sepanjang bulan Januari hingga Mac di Portal Facebook Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Kategori	Bulan		
	Januari	Februari	Mac
Punca	1 (7.7%)	2 (7.7%)	13 (9.6%)
Langkah-langkah	14 (60.9%)	5 (19.2%)	58 (42.6%)
Laporan Jangkitan	8 (34.8%)	19 (73%)	65 (47.8%)
Jumlah keseluruhan	23	26	136



Rajah 2: Kekerapan posting mengenai COVID-19 sepanjang bulan Januari hingga Mac di Portal Facebook Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Bagi, kategori langkah-langkah telah mencatatkan kekerapan posting pada bulan Januari sebanyak 14 *posting* (60.9 peratus) dan kekerapan menurun pada bulan Februari 5 *posting* (19.2 peratus) dan meningkat mendadak pada bulan Mac 58 *posting* (42.6 peratus). Pada bulan Januari portal Facebook Rasmi Kementerian Kesihatan hanya memaparkan langkah-langkah menjaga kebersihan seperti kerap membasuh tangan bagi mengelakkan dijangkiti virus COVID-19. Manakala, pada bulan Februari kekerapan *posting* hanya mengenai kebersihan seperti kerap membasuh tangan dan langkah lain seperti penangguhan ke luar negara. Pada bulan Mac, akibat kenaikan kes positif yang semakin meningkat di Malaysia, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah menasihatkan orang ramai supaya

menanggukkan perjalanan ke luar negara terutamanya negara yang mencatatkan jumlah kes positif COVID-19 yang tinggi. Setelah WHOewartakan COVID-19 adalah penyakit pandemik, maka Malaysia telah mengambil langkah dengan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan yang bermula pada 18 Februari 2020. Oleh itu, kekerapan *posting* setiap bulan mengenai langkah-langkah adalah menurun pada bulan Februari dan meningkat secara mendadak pada bulan Mac kerana pada bulan Mac di Malaysia kes-kes positif COVID-19 semakin meningkat dari hari ke hari.

Bagi, kategori laporan jangkitan telah mencatatkan kekerapan *posting* pada bulan Januari sebanyak 8 *posting* (34.8 peratus) dan kekerapan semakin meningkat pada bulan Februari 19 *posting* (73 peratus) dan Mac 65 *posting* (47.8 peratus). Pada bulan Januari portal Facebook Rasmi Kementerian Komunikasi dan Multimedia hanya mencatatkan 8 jumlah kes yang positif sepanjang bulan Januari. Oleh itu, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia hanya membuat *posting* dalam jumlah rendah kerana ketika itu Malaysia masih mencatatkan jumlah kes yang rendah berbanding dengan negara-negara lain yang mencatatkan jumlah kes yang tinggi sehingga mencatatkan ribuan kes. Manakala, pada bulan Februari kekerapan *posting* semakin meningkat sebanyak 19 *posting* (73 peratus). Hal ini menyebabkan pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah semakin kerap mengemaskini jumlah mangsa yang dijangkiti di Facebook Rasmi tersebut. Pada bulan Mac, akibat kenaikan kes positif yang semakin meningkat di Malaysia, Portal rasmi tersebut sentiasa mengemaskini sehingga mencatatkan 65 *posting* (47.8 peratus) kekerapan *posting* sepanjang tempoh bulan Mac. Hal ini kerana, di Malaysia pada bulan Mac berada di tangga yang pertama dari segi jumlah kes jangkitan sehinggakan mencecah jumlah ribuan yang didapati positif COVID-19.

Manakala, dari segi jumlah kekerapan *posting* sepanjang bulan Januari hingga Mac, ia mencatatkan bulan Mac mencatatkan jumlah *posting* yang tinggi iaitu sebanyak 136 *posting* dan terendah pada bulan Januari iaitu sebanyak 23 *posting*. Hal ini disebabkan oleh pada bulan Mac, Malaysia mencatatkan kes COVID-19 yang tinggi sehinggakan Malaysia terpaksa menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan bagi memutuskan rantai COVID-19 supaya tidak meragut banyak nyawa. Oleh itu, di portal Rasmi Kementerian Komunikasi dan Multimedia, sentiasa mengemaskini mengenai COVID-19 di Facebook Rasminya sepanjang bulan Mac bagi melaporkan kepada orang ramai dari segi punca, langkah-langkah dan laporan jangkitan supaya masyarakat lebih berhati-hati bagi mengelakkan dijangkiti virus tersebut.

Perbezaan yang dapat dilihat di portal Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia mendapati bahawa *posting* mengenai COVID-19 seperti kategori langkah-langkah, laporan jangkitan dan punca berkurang berbanding dengan portal Kementerian Kesihatan Malaysia. Hal ini disebabkan oleh, portal Facebook Kementerian Komunikasi dan Multimedia banyak mengeluarkan kenyataan mengenai berita palsu mengenai COVID-19.

Hasil analisis jenis sumber yang disiarkan di Portal Rasmi Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia mengenai wabak COVID-19 sepanjang Januari hingga Mac 2020.

Berdasarkan analisis sumber yang dibuat di Portal Rasmi Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia mendapati bahawa sumber yang sering melaporkan atau memberi kenyataan mengenai COVID-19 antaranya ialah WHO (Pertubuhan Kesihatan Sedunia), CPRC (Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis), Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu Menteri Kesihatan dan Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia, dan Menteri Pertahanan Malaysia. Berdasarkan analisis yang dibuat, sepanjang Januari hingga Mac, mendapati bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia merupakan sumber utama dalam memberikan maklumat

mengenai wabak COVID-19. Bagi melaporkan laporan jangkitan postif COVID-19 di Portal Rasmi Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah bertindak memberikan kenyataan mengenai laporan jangkitan. Selain itu, mengenai laporan jangkitan juga, CPRC (Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis) dan WHO (Pertubuhan Kesihatan Sedunia) juga merupakan salah satu sumber yang akan mengeluarkan poster mengenai jumlah jangkitan di Malaysia. Oleh itu, ini mendapati bahawa kedua-dua Facebook rasmi mengeluarkan kenyataan dengan menggunakan sumber Menteri Kesihatan, Ketua Pengarah Kesihatan, CRPC (Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis) dan WHO (Pertubuhan Kesihatan Sedunia) dalam melaporkan mengenai jangkitan COVID-19 di Malaysia sepanjang bulan Januari hingga Mac.

Selain itu, berdasarkan analisis sumber mengenai punca jangkitan mendapati kedua-dua portal tersebut menjadikan Kementerian Kesihatan Malaysia dan kenyataan dari Menteri Kesihatan Malaysia berserta Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia sebagai sumber utama dalam memberikan maklumat yang sahih. Bagi sumber-sumber lain seperti Menteri Pertahanan Malaysia, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Majlis Keselamatan Negara lebih cenderung dalam memberikan informasi atau kenyataan dalam mengenai langkah-langkah yang diambil dalam menangani wabak COVID-19 antaranya Perintah Kawalan Pergerakan.

Oleh itu, kebanyakan sumber yang memberikan maklumat atau kenyataan mengenai COVID-19 ini adalah relevan kerana mereka individu yang bertanggungjawab dalam menangani COVID-19. Hal ini kerana, sumber adalah penting kerana sekiranya sumber tidak relevan maka rakyat atau masyarakat tidak akan mempercayai dan menganggap kenyataan atau maklumat tersebut tidak relevan dan tidak mempunyai kredibiliti.

Analisis tajuk posting bagi punca, langkah-langkah dan laporan jangkitan yang disiarkan di Portal Rasmi Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia mengenai wabak COVID-19 sepanjang Januari hingga Mac 2020.

Pengkaji telah menganalisis tajuk *posting* yang dibuat di portal rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia dan Portal Rasmi Facebook Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Bagi mengenalpasti punca, pengkaji telah menetapkan kata kunci antaranya ialah kontak rapat, perhimpunan tabligh, sejarah perjalanan dari luar negara, dan pelancong dari luar negara. Kesemua kata kunci tersebut akan merujuk kepada punca jangkitan COVID-19. Hasil analisis tajuk *posting* yang dibuat di Facebook Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia mendapati bahawa sepanjang bulan Januari dan Februari mendapati tajuk *posting* merujuk kepada kontak rapat dan sejarah perjalanan dari luar negara. Antara *posting* yang digunakan ialah “*sejarah perjalanan ke Itali dan kontak rapat kes*”.

Kebanyakan tajuk *posting* yang dibuat dalam Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia adalah dalam bentuk kenyataan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. Namun, pada bulan Mac telah wujud kluster baharu iaitu dari perhimpunan tabligh. Selain itu, bagi Portal Rasmi Kementerian Komunikasi dan Multimedia juga membuat posting antaranya berkaitan dengan punca jangkitan iaitu “*Kontak rapat individu yang mempunyai kontak secara langsung*”. Oleh itu melalui kata kunci ini akan memudahkan pengkaji untuk menganalisis atau mencatatkan kekerapan *posting* punca yang dimuatnaik di kedua-dua portal rasmi Facebook.

Bagi kategori langkah-langkah, pengkaji telah menetapkan kebersihan, imbas suhu badan, kawalan pintu masuk di semua lapangan terbang, pembatalan perhimpunan, perintah kawalan pergerakan, kuarantin 14 hari dan penangguhan perjalanan ke luar negara adalah kata kunci yang

digunakan oleh pengkaji bagi mengenal pasti langkah-langkah supaya memudahkan pengkaji membuat catatan mengenai kekerapan *posting*. Antara *posting* yang dibuat di Portal Rasmi Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia ialah “*kerap membasuh tangan*”. Berdasarkan tajuk tersebut, ianya akan memudahkan pembaca untuk mengetahui apa yang ingin disampaikan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bagi melindungi diri daripada dijangkiti virus tersebut. Bagi Portal Rasmi Facebook Kementerian Komunikasi dan Multimedia, pelbagai langkah yang dimuatnaik bagi menghindari dijangkiti COVID-19. Antaranya ialah, “*Perintah kawalan pergerakan diperketatkan di Menara One City*”. Setelah dikenalpasti, pengkaji mendapati bahawa kedua-dua portal tersebut menggunakan kata kunci yang digunakan oleh pengkaji untuk menganalisis data.

Laporan jangkitan antaranya *posting* yang dibuat ialah “*Pertambahan kes sebanyak 2 kes positif*”. Ini memudahkan pengkaji untuk menganalisis kekerapan *posting* yang dibuat di portal Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia. Selain itu, ini akan meningkatkan kesedaran dan memberikan maklumat kepada orang ramai agar sentiasa peka dengan berita mengenai COVID-19. Bagi portal Facebook Kementerian Komunikasi dan Multimedia turut membuat *posting* mengenai laporan jangkitan yang diperolehi daripada Kementerian Kesihatan Malaysia antaranya ialah “*Statistik Covid-19 2626 kes*”. Ini menunjukkan bahawa statistik tersebut diperolehi atau dikeluarkan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Setelah mengkaji, pengkaji mendapati bahawa kedua-dua portal Facebook tersebut menggunakan kata kunci seperti jumlah jangkitan kes, kes sembuh dan kematian akibat COVID-19.

Wabak pandemik Covid-19 ini semakin serius sehinggakan meragut banyak nyawa. Selain itu, Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama kementerian lain membantu untuk mengurangkan penularan wabak COVID-19. Tidak dinafikan, apabila pengkaji membuat analisis mengenai *posting* di Facebook Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Komunikasi Multimedia mendapati bahawa kesemua *posting* tersebut bermula pada bulan Januari hingga Mac adalah berkaitan dengan COVID-19. Hal ini menunjukkan bahawa pihak kerajaan sentiasa memberikan maklumat atau kesedaran kepada orang ramai supaya sentiasa berjaga-jaga supaya dapat menghindari daripada dijangkiti wabak tersebut.

Sehingga 13 Mei 2020, Malaysia mencatatkan bilangan kes positif sebanyak 37 kes baharu dan kes kematian sebanyak 2 kes baharu. Oleh itu, ia menunjukkan perkembangan yang positif berbanding pada bulan Mac dan April. Pada 18 Mac 2020, kerajaan Malaysia terpaksa mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan bagi mengurangkan atau memutuskan rantaian COVID-19 yang meragut ramai nyawa. Selain itu, Amerika Syarikat telah mencatatkan bilangan kes tertinggi di dunia iaitu sebanyak 2,354 740 kes. Oleh itu, hasil daripada analisis mengenai *posting* COVID-19 menunjukkan bahawa pihak kerajaan sentiasa memberikan maklumat yang tepat dengan menggunakan sumber yang boleh dipercayai dalam menyampaikan maklumat. Oleh itu, ia menunjukkan bahawa pihak kerajaan berusaha untuk memberikan maklumat dan kesedaran kepada orang ramai mengenai COVID-19 di saluran rasmi.

KESIMPULAN

Secara kesimpulan, platform media sosial merupakan salah satu medium yang sangat bermanfaat. Hal ini dapat dilihat seperti Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia dan Facebook Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia memainkan peranan dalam mengemaskini atau memuat naik maklumat mengenai COVID-19 ini. Oleh itu, melalui Facebook rasmi maka masyarakat lebih mudah untuk mendapatkan informasi. Selain itu, sumber merupakan perkara yang penting dalam

menyampaikan maklumat. Tanpa sumber yang sahih, akan menyebabkan masyarakat kurang percaya dengan sesuatu maklumat yang diperolehi. Namun, pada masa kini banyak maklumat atau berita palsu yang semakin meningkat terutamanya mengenai COVID-19. Oleh itu, sebagai masyarakat mereka perlulah sentiasa peka dan perlu teliti terlebih dahulu mengenai maklumat yang diperolehi.

Disebabkan oleh kajian mengenai analisis kategori iaitu punca, langkah-langkah dan laporan jangkitan di Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia berserta Facebook Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia boleh diperkembangkan lagi. Kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada pihak berkuasa terutamanya fokus terhadap kepentingan penyebaran maklumat secara lebih berstruktur agar lebih mudah diterima oleh pembaca. Maklumat seperti Covid-19 ini menjadi satu bingkai rujukan kepada pembaca sekaligus memahami peranan media. Justeru, andai penyelidik ingin membuat kajian masa akan datang, penyelidik boleh menganalisis dengan lebih terperinci mengenai berita palsu yang disebarkan di media sosial, kerana isu berita palsu juga menjadi salah satu isu yang sedang berlaku di media sosial.

Selain itu, walaupun kes jangkitan menurun, namun kita perlu berjaga-jaga dengan mengikuti semua langkah yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia kerana COVID-19 masih tidak mempunyai vaksin yang mampu mengubati wabak COVID-19. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai batasan kerana hanya melihat analisis data seperti kekerapan *posting* berdasarkan tiga kategori iaitu punca, langkah-langkah dan laporan jangkitan berserta menganalisis sumber terhadap akaun Facebook Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia dan Facebook Rasmi Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Fokus kajian ini hanya pada tiga bulan pertama iaitu bulan Januari, Februari dan Mac 2020 sahaja.

RUJUKAN

- Cinelli, M., Quattrocioni, W., Galeazzi, A., Valensise, C. M., Brugnoli, E., Schmidt, A. L., & Scala, A. (2020). The covid-19 social media infodemic. *arXiv preprint arXiv:2003.05004*.
- De Vreese, C. H. (2005). News framing: Theory and typology. *Information design journal & document design*, 13(1), 32-45.
- Entman, R. M. (1993). Framing: Towards Clarification of a Fractured Paradigm. *Journal of Communication*, 43 (4), 51-58.
- Eriyanto. (2008). *Analisis Framing, Konstruksi, Ideologi dan Politik Media*. Yogyakarta: LkiS
- Gottfried J. & Shearer, E. (2016). News use across social media platforms 2016. Pew Research Center's Journalism Project. Retrieved 10 May 2020. Available from: <http://www.journalism.org/2016/05/26/news-use-across-social-media-platforms-2016/>
- Holsti, O. (1969). *Content analysis for the social sciences and humanities*. Thousand Oaks: Addison-Wesley.
- Kasim, A., Sani, M. A. M., Ismail,., & Masri, A. Z. (2015). Pembungkahan berita krisis Selatan Thailand dalam akhbar aliran perdana di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(1), 22-32.
- Li, L., Zhang, Q., Wang, X., Zhang, J., Wang, T., Gao, T. L., & Wang, F. Y. (2020). Characterizing the propagation of situational information in social media during COVID-19 epidemic: A case study on weibo. *IEEE Transactions on Computational Social Systems*, 7(2), 556-562.
- Llewellyn, S. (2020). Covid-19: how to be careful with trust and expertise on social media. *BMJ*, 368

- Matsaganis, M. D., & Payne, J. G. (2005). Agenda setting in a culture of fear: The lasting effects of September 11 on American politics and journalism. *American behavioral scientist*, 49(3), 379-392.
- Salleh, M. A. M., Abdullah, M. Y. H., Salman, A., & Hasan, A. S. A. (2017). Kesedaran dan pengetahuan terhadap keselamatan dan privasi melalui media sosial dalam kalangan belia. *e-BANGI*, 12(3), 1-15.
- Shaw, E. F. (1979). Agenda-setting and mass communication theory. *Gazette (Leiden, Netherlands)*, 25(2), 96-105.
- Sofian, M. R. M., & Hussein, A. (2014). Analisis kualitatif pemingkaian akhbar *The Star* dan Utusan Malaysia mengenai kontroversi Majlis "Thanksgiving di DUMC. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 30(1), 111-139.
- Tiung, L. K., Meri, A., Nayan, L. M., & Othman, S. S. (2016). Kegunaan dan kepuasan portal berita dalam kalangan belia Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(2), 790-816.
- Tiung, L. K., Othman, S. S., & Nayan, L. M. (2013). Pemilihan Bingkai dan Sumber Berita untuk Pemingkaian Berita Nasional dalam Akhbar Arus Perdana di Malaysia: Suatu Tinjauan di Kalangan Wartawan Belia. *Jurnal Intelek*, 8(1), 31-42.
- Zain, N. R. B. M. (2014). Agenda Setting Theory. *International Islamic University Malaysia*. Malaysia.